



## 18 Jun tempoh akhir pemegang visa umrah

BH 8/6/2023 M/S: 28

Arab Saudi dalam persiapan terima jemaah haji dari seluruh dunia

**Riyadh:** Arab Saudi menetapkan 18 Jun sebagai tarikh akhir pemegang visa umrah berada di

negara itu, manakala kelmarin (4 Jun) sebagai tarikh akhir permit umrah dikeluarkan.

Keputusan Kementerian Haji dan Umrah menenguhkan pengeluaran permit umrah bertujuan membuat persiapan haji musim ini khususnya dalam menerima jemaah dari seluruh dunia.

Kementerian itu turut menjelaskan pemegang visa umrah tidak dibenarkan menunaikan ibadah haji dan meminta semua pihak berhati-hati ketika membuat tempahan bagi menunai-

kan Rukun Islam kelima.

### Waspada promosi haji palsu

la turut memberi amaran mengenai kepentingan untuk tidak berurusan dengan promosi haji palsu kerana tempahan hanya boleh dilakukan melalui platform diluluskan kementerian itu.

Memetik laporan *Saudi Gazette*, platform yang diluluskan untuk pendaftaran menaikan haji bagi jemaah dari dalam Arab Saudi hanya boleh dilakukan melalui laman webnya: Lo-

calHaj.Haj.Gov.Sa dan melalui aplikasi Nusuk.

Bagi jemaah haji dari Eropah, Amerika dan Australia, kementerian berkata, bahawa tempahan haji boleh dilakukan hanya melalui: Hajj.Nusuk.Sa.

Kementerian berkata, jemaah haji dari negara Islam yang ingin membuat tempahan haji hanya boleh berbuat demikian melalui pejabat hal ehwal haji yang bertanggungjawab mendaftarkan jemaah mereka di negara berkenaan. AGENSI